



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)  
[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



## CABARAN PENDIDIKAN DI SABAH SEBELUM TAHUN 1963

### *EDUCATION CHALLENGES IN SABAH BEFORE 1963*

Sharifah Darmia Sharif Adam<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: shdarmia@ums.edu.my

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 01.03.2023

Revised date: 13.04.2023

Accepted date: 22.05.2023

Published date: 01.06.2023

##### To cite this document:

Adam, S. D. S. (2023). Cabaran Pendidikan Di Sabah Sebelum Tahun 1963. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 32-43.

DOI: 10.35631/IJMOE.517004

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Sabah merupakan salah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia yang terkenal bukan sahaja kerana keindahan alam flora dan faunanya tetapi juga kerana keunikan masyarakatnya yang terdiri daripada puluhan etnik. Berdasarkan sejarah, pendidikan di Sabah telah pun wujud sejak zaman pentadbiran kesultanan Brunei dan kesultanan Sulu lagi. Semasa di bawah pemerintahan kesultanan Brunei, masyarakat yang menganut agama Islam yang kebanyakannya tinggal di kawasan persisiran pantai Sabah telah ada pendidikan yang berasaskan pengajian Al-Quran. Dalam tempoh tersebut, pendidikan adalah dalam bentuk tidak formal tertumpu terhadap aktiviti pembacaan kitab agama yang dilakukan di surau, masjid dan pondok. Sementara itu bagi masyarakat yang bukan beragama Islam, pendidikan turut dalam bentuk tidak formal melalui tunjuk ajar daripada ibu bapa, upacara atau perayaan-perayaan tertentu. Ketika Sabah di bawah pentadbiran kuasa asing, pendidikan di negeri itu banyak dipengaruhi oleh polisi pentadbir seperti Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) dan kolonial British. Namun secara umumnya didapati bahawa pendidikan masyarakat Sabah tidak begitu diambil berat oleh pihak pentadbir SBBU mahupun pihak kolonial British. Oleh itu, perbincangan akan difokuskan terhadap cabaran yang dihadapi dalam bidang pendidikan di Sabah sebelum tahun 1963. Kajian kertas kerja ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif dan menggunakan kaedah kajian arkib serta kajian perpustakaan iaitu dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder seperti Fail Pejabat Tanah Jajahan, Penyata Tahunan, buku dan artikel untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Kajian ini akan menghasilkan satu analisis yang dapat memberi kefahaman yang lebih jelas tentang latar belakang sejarah perkembangan pendidikan di Sabah. Pengenalpastian cabaran yang dihadapi akan membolehkan perancangan strategi yang dapat mengukuhkan lagi pendidikan di Sabah.

**Kata Kunci:**

Pendidikan, Sabah, Cabaran, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British, British

**Abstract:**

Sabah is one of the states in the Federation of Malaysia that is famous not only for the natural beauty of its flora and fauna but also for the uniqueness of its community which consists of dozens of ethnic groups. Based on history, education in Sabah has existed since the administration of the Sultanate of Brunei and the Sultanate of Sulu. While under the rule of the Sultanate of Brunei, the Muslim community who mostly lived in the coastal area of Sabah had an education based on the study of the Al-Quran. During that period, education was in an informal form focused on religious book reading activities carried out in prayer hall, mosques and lodges. Meanwhile for the non-Muslim community, education is also informal through guidance from parents, certain ceremonies or celebrations. When Sabah was under the administration of foreign powers, education in the state was heavily influenced by the policies of administrators such as the British North Borneo Chartered Company (SBBUB) and British colonialism. However, it is generally found that the education of the Sabah community is not taken seriously by the SBBU administrators nor the British colonial authorities. Therefore, the discussion will be focused on the challenges faced in the field of education in Sabah before 1963. The study of this paper uses a qualitative analysis approach and uses archival and library research methods by analyzing various primary and secondary sources such as Colonial Office Files, Statements Annuals, books and articles to obtain research information sources. This study will produce an analysis that can provide a clearer understanding of the historical background of the development of education in Sabah. Identification of the challenges faced will enable the planning of strategies that can further strengthen education in Sabah.

**Keywords:**

Education, Sabah, Challenges, British North Borneo Chartered Company, British

**Pengenalan**

Menurut D.S. Ranjit Singh (2003), Sabah yang pernah dikenali sebagai Borneo Utara yang terletak di bahagian utara pulau Borneo dengan keluasan kira-kira 73,620 kilometer persegi. Sebelum tahun 1881, berdasarkan D.S. Ranjit Singh (2003) lagi tidak wujud negeri Sabah sebagaimana yang pada hari ini. Terdapat pelbagai nama digunakan seperti Sabah, Borneo Utara dan British Borneo Utara. Perkataan Sabah pertama kali digunakan secara rasmi dalam dokumen bertarikh 29 Disember 1877 iaitu dokumen Suruhanjaya daripada Sultan Brunei, Abdul Mumin melantik Gustavus Baron Von Overback sebagai "Maharajah of Sabah". Dari segi latar belakang pentadbiran, sebelum abad ke-16 sistem pentadbiran di Sabah terbahagi kepada tiga bentuk pentadbiran yang berasaskan kesukuan, kesultanan dan ketua-ketua bebas. Kemudian Sabah berada di bawah pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) antara tahun 1881 hingga 1941. Apabila meletusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1941, Sabah turut ditakluki dan berada di bawah pentadbiran tentera Jepun mulai tahun 1941 hingga 1945. Apabila tentera Jepun mengaku kalah dan berundur daripada wilayah tersebut, Sabah kembali ditadbir oleh kolonial British pada tahun 1945 hingga 1963. 16 September 1963 merupakan satu tarikh bersejarah kerana Sabah secara rasminya diisytiharkan menyertai

Pembentukan Persekutuan Malaysia. Menurut Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia, 1791-1965 (2013), mulai 16 September 1963, Malaysia mengandungi negeri Pahang, negeri Terengganu, negeri Kedah, negeri Johor, Negeri Sembilan, negeri Kelantan, negeri Selangor, negeri Perak, negeri Perlis, negeri Pulau Pinang, negeri Melaka, negeri Singapura, negeri Sabah dan negeri Sarawak menjadi sebuah negara merdeka yang berdaulat.

Negeri Sabah terkenal dengan keunikan pluraliti etnik penduduknya yang kaya dengan budaya warisan nenek moyang mereka. Menurut Mat Zin Mat Kib (2016), antara etnik yang terdapat di Sabah adalah seperti Abai, Alumbai, Baukan, Begahak, Bajau, Bisaya, Bonggi, Bundu, Dumpas, Dusun, Gana, Garo. Gonsomon, Idahan, Kadazan, Kalabakan, Kavananan, Kedayan, Kimaragang, Kolobuan, Kolod, Kwijau, Okolor, Lingkabau, Liwan, Lobu, Lotud, Liba, Lundayo, Makiang, Malapi, Minokok, Naaboi, Nuu, Paitan, Paluan, Pingas, Rumanau, Rungus, Selunagi, Sembakung, Serudung, Sinambu, Sinandapak, Sinorupu, Sonsogon, Sukang, Sukpan, Sundayo, Tagalas, Tagalog, Tagol, Talantang, Tangara, Tatana, Tidung, Timugon, Tinagas, Tindal, Tobilung, Tolinting, Tombonuo, Tuhawan, Tutung, Brunei, Balingingi atau Balaguingu, Cocos, Cagayan, Suluk, Sungai, Iranun dan Murut. Walaupun mempunyai masyarakat yang jelas bukan sahaja berbeza dari segi etnik tetapi juga budaya, bahasa dan amalan kepercayaan tetapi perkara ini tidak menjadi halangan kepada mereka untuk hidup dalam suasana yang aman damai. Malahan keharmonian hidup masyarakat Sabah ini seringkali menjadi contoh sikap toleransi masyarakat di Malaysia.

Secara umumnya, sebelum tahun 1963 bidang pendidikan di Sabah tidak begitu diambil berat. Pada peringkat awal sebelum pentadbiran SBBUB pendidikan bagi penduduk di Sabah adalah dalam bentuk yang tidak formal. Pendidikan yang diterima oleh masyarakat Sabah ketika itu adalah sama ada berasaskan pengajian agama ataupun pendidikan lebih mengutamakan kelangsungan hidup masyarakatnya. Kemudian apabila Sabah berada dibawah pentadbiran Inggeris, Menurut Barbara Watson Andaya & L.Y. Andaya (1983), perkembangan pendidikan di Borneo Utara dapat dikatakan dipengaruhi oleh polisi dan falsafah pihak pemerintah. Dengan erti kata lain, walaupun pihak pemerintah menyedari kepentingan pendidikan terutamanya pendidikan barat tetapi sudah menjadi dasar mereka untuk tidak mengubah gaya hidup masyarakat tempatan bagi memudahkan mereka untuk mengawal masyarakat tempatan. Perkara ini menjadi suatu cabaran dalam perkembangan pendidikan di Sabah.

### **Latar Belakang Awal Pendidikan di Sabah**

Menurut Azmah Abdul Manaf (2005), tidak banyak yang diketahui tentang sistem pendidikan di Sabah pada zaman awal iaitu sebelum kedatangan Inggeris. Walau bagaimanapun berdasarkan K.M. George (1981), pendidikan di Sabah telah pun wujud sejak zaman pentadbiran kesultanan Brunei dan kesultanan Sulu lagi. Semasa di bawah pemerintahan kesultanan Brunei, masyarakat bumiputera Islam di Sabah mempunyai pendidikan yang berasaskan pengajian Al-Quran yang kemudiannya berkembang sehingga wujudnya madrasah. Ketika itu, corak pendidikan adalah dalam bentuk tidak rasmi atau formal yang difokuskan terhadap pembacaan kitab-kitab agama. Aktiviti pembelajaran pula dilakukan di surau, masjid dan pondok sahaja. Selain itu, berdasarkan Mohd. Nor Bin Long (1978), kanak-kanak diajar tulisan Jawi di samping pelajaran berternak, bersawah, nelayan, bertukang, menganyam dan sebagainya. Manakala guru-guru yang mengajar terdiri daripada kalangan mereka yang difikirkan berilmu.

Sementara itu, menurut K.M. George (1981) lagi pendidikan bagi etnik bumiputera Sabah yang lain pula berlaku secara tidak langsung. Pendidikan yang diberi adalah melalui tunjuk ajar daripada ibu bapa, upacara atau perayaan-perayaan tertentu seperti upacara kematian, perkahwinan dan pesta menuai. Sebagai contohnya, kanak-kanak yang tinggal di kawasan pergunungan atau pedalaman akan diajar mendaki bukit, menyempit, berburu binatang, memanjat dan sebagainya. Dalam masa yang sama, segala adat resam dan kebudayaan etnik pula akan dipelajari menerusi sosialisasi. Hal ini bermakna bahawa sebelum kedatangan Inggeris, pendidikan bagi penduduk bumiputera Sabah adalah dalam bentuk yang tidak formal yang dipelajari melalui ibu bapa yang memberikan pengetahuan kepada anak-anak mereka.

### **Cabaran Pendidikan Dibawah Pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara**

Secara umumnya, pengenalan kepada sistem pendidikan yang formal di Borneo bermula dengan kedatangan syarikat Inggeris berserta dengan mubaligh-mubaligh Kristian pada abad akhir abad ke-18. Namun demikian, pada masa itu kapitalis Inggeris mengambil dasar untuk mengutamakan eksploitasi sumber ekonomi terhadap tanah jajahannya dan kurang mengambil berat terhadap aspek pendidikan. Walau bagaimanapun, menurut Sufean Hussin (2002), mubaligh-mubaligh Kristian telah mengambil inisiatif mengadakan pendidikan dengan mendirikan sekolah-sekolah yang menggunakan nama seperti Methodist, Katolik, Le Selle atau Anglican. Menurutnyanya lagi antara tujuan mubaligh-mubaligh mendirikan sekolah adalah untuk menyebarkan agama Kristian, pendidikan bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Kesihatan, Sejarah Eropah dan Geografi dalam kalangan penduduk tempatan.

Secara khususnya di Sabah, pendidikan formal bermula di bawah pentadbiran SBBUB tetapi menurut Azmah Abdul Manaf (2005), kerajaan Chartered Company tidak begitu mengambil berat tentang pendidikan anak-anak jajahan mereka sebaliknya menyerahkan urusan tersebut kepada badan dakwah Kristian. Dengan kata lain, berdasarkan Abd. Hakim Mohad (2003), disebabkan dasar pentadbiran SBBUB adalah untuk mengeksploitasi sumber ekonomi Sabah dan tidak campur tangan dalam hal ehwal masyarakat bumiputera Sabah ataupun masyarakat Cina yang terdapat di Sabah menyebabkan aspek pendidikan dikembangkan secara persendirian oleh badan-badan mubaligh Kristian dan masyarakat Cina sendiri tetapi dengan bantuan dana peruntukan daripada SBBUB.

Perkembangan pendidikan di Sabah semasa dibawah pentadbiran SBBUB juga dapat dilihat melalui penubuhan sekolah di Sabah. Kebanyakan sekolah-sekolah tersebut ditubuhkan oleh mubaligh-mubaligh Kristian. Pada tahun 1883 sebuah sekolah rendah aliran Inggeris ditubuhkan di Sandakan oleh Persatuan Mubaligh Katolik. Diikuti pada tahun 1887, sebuah lagi sekolah Inggeris ditubuhkan di Inobong kira-kira 16 kilometer dari Jesselton yang juga dikelolakan oleh Persatuan Mubaligh Katolik. Kemudian berdasarkan Mook Soon Sang (2002), pada tahun 1891 terdapat 2 lagi sekolah mubaligh yang dibuka di Sandakan dikelola oleh Persatuan Mubaligh Protestan dan sebuah sekolah Convent yang hanya ditubuhkan khas untuk kanak-kanak perempuan. Oleh itu, pada awal abad ke 20, Sabah telah mempunyai 7 buah sekolah rendah mubaligh. Jumlah sekolah yang dikelolakan oleh mubaligh di Sabah kemudiannya terus meningkat apabila pada tahun 1911 terdapat sebanyak 13 buah sekolah aliran Inggeris ditubuhkan.

Sekolah juga turut didirikan secara persendirian oleh orang Cina untuk anak-anak mereka. Menurut Mook Soon Sang (2002), pada penghujung abad ke-19 terdapat ramai orang Cina berhijrah ke Jesselton dan Sandakan untuk mencari nafkah dan kemudian terus menetap di

Sabah. Walaupun berdasarkan sejarah, didapati hubungan antara Sabah dengan China telah lama wujud tetapi kedatangan mereka secara beramai-ramai adalah ketika di bawah pentadbiran pihak kolonial British. Ketika itu, berdasarkan Mohd. Nor Bin Long (1978), ramai orang Cina mendiami kawasan-kawasan bandar dan mereka bekerja sebagai peniaga, pekedai, buruh ladang getah dan perusahaan kayu balak. Terdapat 5 kumpulan orang Cina yang dapat dibezakan melalui loghat mereka iaitu *Hakka, Cantonese, Hokkien, Teowchew* dan *Hailam*. Orang Cina menetap hampir setiap daerah di Sabah dan ramai yang berkahwin dengan wanita dari etnik Dusun hingga menghasilkan keturunan Sino-Kadazan. Oleh itu menurut Mook Soon Sang (2002), pada tahun 1911 terdapat 8 buah sekolah rendah persendirian aliran Cina ditubuhkan.

Selain sekolah yang ditubuhkan oleh mubaligh-mubaligh Kristian dan orang Cina terdapat juga penubuhan sekolah Melayu. Menurut Mook Soon Sang (2002), sekolah Melayu pertama ditubuhkan di Jesselton pada tahun 1915 untuk melatih anak-anak Ketua Anak Negeri selama 3 tahun dalam bahasa pengantar bahasa Melayu. Namun begitu, menurut Barbara Watson Andaya & L.Y. Andaya (1983), disebabkan membaca Al-Quran tidak diajar di sekolah tersebut kebanyakan Ketua Anak Negeri telah menarik keluar anak-anak mereka. Yang tinggal meneruskan pelajaran adalah anak-anak suku Murut daripada kawasan pedalaman. Seterusnya, berdasarkan Barbara Watson Andaya & L.Y. Andaya (1983) lagi, pada tahun 1919 sebuah Jabatan Pelajaran dan nazir-nazir sekolah dilantik untuk Pantai Timur dan Pantai Barat. Perkara ini menunjukkan bahawa terdapat usaha daripada pihak kolonial untuk menambahbaik bidang pendidikan di Sabah. Dalam tempoh masa yang sama juga. SBBUB masih terus memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah yang dibina oleh mubaligh-mubaligh Kristian.

Kemudian antara tahun 1921 hingga 1922, beberapa sekolah rendah Melayu di buka di Kota Belud, Papar, Menombok dan Keningau. Berdasarkan, Mook Soon Sang (2002), guru-guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah tersebut diambil daripada negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu. Pada tahun 1926, Jumlah sekolah di Sabah semakin meningkat. Terdapat sebanyak 89 buah sekolah dengan jumlah murid sebanyak 3,142 orang terdiri daripada sekolah Melayu, sekolah Inggeris, sekolah Cina dan sesetengahnya sekolah yang mengajarkan bahasa Kadazandusun. Di samping itu, terdapat juga 6 buah sekolah menengah rendah yang telah ditubuhkan pada 1930-an dan semua sekolah tersebut dikelola oleh persatuan mubaligh. Sebenarnya, peningkatan jumlah sekolah-sekolah di Sabah adalah agak lambat kerana SBBUB kurang berminat terhadap hal kemajuan pendidikan masyarakat bumiputera. Sebagai contohnya, pada tahun 1934 jumlah sekolah dan bilangan muridnya dapat dilihat melalui jadual 1 seperti berikut:

Jenis Sekolah	Sekolah	Murid
Sekolah Kerajaan (sekolah rendah darjah 1 hingga darjah 5)	8	400
Mubaligh	45	2,150
Tanpa bantuan	56	2,000
<b>Jumlah</b>	<b>112</b>	<b>4,550</b>

**Jadual 1**  
**Jumlah Sekolah dan Murid Sekolah Pada Tahun 1934**

Sumber: Mohd. Nor Bin Long. (1978). *Perkembangan Pelajaran di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 9.

Jadual 1 dengan jelas menunjukkan bahawa sehingga tahun 1934 hanya terdapat 112 buah sekolah dibina dengan hanya 4,550 orang pelajar sahaja. Jika dibandingkan, dapat dilihat hanya 8 buah sekolah rendah kerajaan yang ditubuhkan dengan jumlah pelajar 400 orang. Faktor utama berlakunya situasi dikaitkan dengan pihak pentadbir SBBUB yang mengambil sikap kurang peduli terhadap aspek pendidikan penduduk di Sabah. Hal ini terbukti apabila terdapat 45 buah sekolah dengan jumlah pelajar seramai 2,150 orang telah dibina oleh mubaligh-mubaligh Kristian. Sementara itu, terdapat 56 buah sekolah dengan jumlah 2,000 orang pelajar pula dibina tanpa bantuan kerajaan. Perkara ini dengan jelas menunjukkan bahawa pihak pentadbiran SBBUB tidak memikul tanggungjawab sepenuhnya untuk memberikan pendidikan kepada penduduk Sabah.

Menyentuh mengenai persoalan pendidikan anak-anak peribumi Sabah, menurut Mohd. Nor Bin Long (1978) tidak dinafikan kebanyakan anak-anak ini mendapat pendidikan percuma di sekolah-sekolah rendah kerajaan yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, didapati tahap perkembangan pendidikan mereka adalah terbatas. Tidak ramai yang dapat menghadiri sekolah disebabkan oleh lokasi kawasan penempatan atau kampung-kampung mereka yang terletak di daerah kawasan luar bandar ataupun jauh di pedalaman. Malahan, disebabkan jarak kampung yang jauh ini juga menjadi faktor utama pihak pentadbiran SBBUB ketika itu tidak banyak membina sekolah. Keadaan bertambah sulit apabila perhubungan juga terhad kerana tiada jalan raya penghubung antara kampung-kampung ini. Oleh itu, berdasarkan Mohd. Nor Bin Long (1978) sekolah-sekolah kebiasaannya didirikan di kawasan persisiran yang mudah perhubungannya seperti daerah Sandakan, Jesselton, Labuan, Papar, Putatan dan Kudat.

Seterusnya, menurut Abd. Hakim Mohad (2003), pihak pentadbiran SBBUB ada membina beberapa buah sekolah kerajaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat pendidikan rendah walaupun dalam suasana serba kekurangan. Dengan itu, pada tahun 1939 terdapat 28 daripada 142 buah sekolah kerajaan yang dikendalikan oleh SBBUB dengan jumlah pelajar seramai 1,663 orang. Disamping itu, berdasarkan Saidatul Nornis Hj. Mahali (2003) dalam tempoh yang sama, terdapat 7 buah sekolah mubaligh dan 4 buah sekolah Cina turut ditubuhkan. Oleh itu, menurut K.G. Tregonning (1965), menjelang tahun 1940 terdapat seramai 10,993 orang murid yang berdaftar di sekolah Melayu, sekolah mubaligh dan sekolah Cina di Sabah. Dengan itu jelas dapat dilihat bahawa pihak pentadbir yang mengambil sikap kurang peduli dan jarak jauh antara sekolah dan kawasan tempat tinggal penduduk menjadi antara cabaran yang dihadapi dalam bidang pendidikan di Sabah semasa di bawah pentadbiran SBBUB.

### **Cabaran Pendidikan Dibawah Pentadbiran Tentera Jepun**

Dalam menelusuri perkembangan pendidikan di Sabah, tempoh semasa wilayah ini berada dibawah pentadbiran tentera Jepun turut perlu dibincangkan. Dalam tempoh antara tahun 1941 hingga 1945, terdapat perubahan yang berlaku dalam aspek pendidikan di Sabah. Menurut Mohd. Nor Bin Long (1978), dibawah pentadbiran tentera Jepun semua sekolah yang didirikan sebelum Perang Dunia Kedua disusun semula dibawah satu sistem *Ko Min Gakko*. Sementara itu, Pelbagai arahan dikeluarkan oleh pentadbiran tentera Jepun kepada guru-guru mengenai penyata bulanan, cuti umum Jepun, sukatan pelajaran dan jadual waktu.

Semua sekolah di Sabah digunakan untuk mengajar bahasa Jepun sahaja. Hal ini bermakna bahawa terdapat perubahan iaitu penggunaan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar di sekolah. Namun begitu, menurut Mohd. Nor bin Long (1978) sekolah-sekolah beraliran Melayu dikekalkan walaupun tidak dipelihara dengan baik kerana terdapat bangunan sekolah terbiar dan alat-alat persekolahan banyak yang hilang. Keadaan ini menjelaskan bahawa semasa penaklukan tentera Jepun antara cabaran dalam aspek pendidikan adalah perubahan penggunaan bahasa pengantar Jepun di sekolah dan terdapat kerosakan bangunan serta peralatan sekolah akibat peperangan. Di samping itu, menurut Mohd. Nor Bin Long (1978), sistem *Ko Min Gakko* yang diperkenalkan pihak tentera Jepun juga sebenarnya hanyalah semata-mata untuk tujuan propaganda supaya mereka mendapat sokongan daripada penduduk di Sabah. Namun demikian, pentadbiran tentera Jepun di Sabah tidak lama kerana pada tahun 1946, tentera Jepun menyerah kalah dan berundur dari Sabah.

### **Cabaran Pentadbiran Dibawah Kolonial British Sehingga 1963**

Apabila pentadbiran Sabah diambil alih oleh pihak kolonial British, terdapat usaha untuk memperbaiki semula sistem pelajaran Sabah yang kucar kacir semasa pentadbiran tentera Jepun. Menurut Mohd. Nor Bin Long (1978), seorang pegawai tentera British berpangkat major bernama R.E. Perry dilantik mengetuai Jabatan Pelajaran. Ibu pejabat Jabatan Pelajaran tersebut terletak di pulau Labuan tetapi pada bulan Februari 1946 dipindahkan ke Jesselton menumpang di bangunan *mubaligh Society of the Propagation of Gospel* dan mulai bulan Julai 1946, Major Perry dilantik sebagai pengarah pelajaran yang bertanggungjawab menyediakan Rancangan Perkembangan Pendidikan bagi tempoh antara tahun 1947 hingga 1954. Berdasarkan Mook Soon Sang. (2002), melalui rancangan tersebut polisi pendidikan digubal dengan tujuan membekalkan pendidikan dasar kepada semua anak-anak di Sabah dan penekanan terhadap mata pelajaran bahasa Inggeris, pendidikan kesihatan dan pertanian.

Namun begitu, dasar pendidikan di bawah pentadbiran kolonial British ini sebenarnya memperlihatkan memadai hanya pendidikan di peringkat sekolah rendah diberikan kepada penduduk di Sabah. Situasi ini menunjukkan dengan jelas dasar pentadbiran kolonial British yang masih tidak begitu mengambil berat terhadap aspek pengukuhan pendidikan di Sabah. Hal ini kerana tumpuan terhadap pendidikan di sekolah rendah bermakna pendidikan di peringkat menengah tidak ditekankan. Perkara ini menyebabkan hanya segelintir anak-anak Sabah yang mendapat pendidikan di peringkat sekolah menengah melalui sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh mubaligh-mubaligh Kristian. Itupun terdiri daripada kalangan anak-anak golongan berada dan berkedudukan baik.

Sementara itu, dari segi dasar pelajaran pula didapati dalam tempoh itu difokuskan terhadap pelajaran pertanian. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan Mohd. Nor Bin Long (1978) yang menyatakan bahawa setiap sekolah mempunyai sebuah kebun yang ditanam dengan pelbagai sayuran. Hal ini bermakna, murid-murid akan diajar untuk menanam sayur-sayuran dan pelbagai aktiviti pertanian. Selain itu, murid-murid juga diajar cara-cara menganyam, membuat senduk, sabun dan sebagainya. Dengan ini, jelaslah bahawa pendidikan sebegini hanyalah bagi membolehkan anak-anak menggantikan perkerjaan orang tua mereka apabila mereka tamat persekolahan.

Pada tahun 1952, terdapat sejumlah 22,991 orang murid yang bersekolah diperingkat sekolah menengah dan sekolah rendah di Sabah. Namun berdasarkan *North Borneo Annual Report 1952*, seramai 15,526 daripada jumlah keseluruhan murid tersebut terdiri daripada kanak-kanak

masyarakat Cina yang kebiasaannya menetap di kawasan bandar. Pecahan jumlah murid-murid mengikut etnik dalam tahun 1952 dapat dilihat melalui jadual 2 seperti berikut:

<b>Etnik</b>	<b>Jumlah Murid</b>
Cina	15,526
Kadazan	3,168
Brunei dan Kedayan	1,384
Bajau	608
Murut	391
Sino-Kadazan	388
Bisaya	239
Suluk	180
India	178
Serani	111
Orang Sungai	100
Melayu	84
Filipina	77
Eropah	51
Ilanun	32
Tidong	9
Lain-lain	465
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>22,991</b>

**Jadual 2**  
**Jumlah Murid-murid Mengikut Etnik Di Sabah, 1952**

Sumber: Disesuaikan daripada *North Borneo Annual Report 1952*. (1952) Information Office, Jesselton, hlm. 64 dan Mohd. Nor Bin Long. (1978). *Perkembangan Pelajaran di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 29.

Berdasarkan jadual 2, jelas menunjukkan 67 peratus daripada jumlah keseluruhan murid-murid yang bersekolah di peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah terdiri daripada anak-anak berketurunan Cina. Keadaan ini disebabkan oleh faktor kedudukan sekolah-sekolah yang biasanya terletak di kawasan bandar. Oleh yang demikian, tidak hairanlah apabila terdapat ramai kanak-kanak Cina yang bersekolah kerana kebanyakan mereka menetap di kawasan bandar. Sementara itu, anak-anak penduduk Sabah yang kebanyakannya tinggal diluar bandar sukar untuk hadir ke sekolah kerana faktor jarak sekolah yang jauh dan keadaan hidup yang serba kekurangan.

Seterusnya menurut Haji Buyong Adil (1981), pada akhir tahun 1953, terdapat 233 buah sekolah dengan jumlah murid seramai 24,105 orang. 5 buah daripada sekolah tersebut diletakkan di bawah kelolaan pihak berkuasa tempatan Kota Belud. Manakala jumlah guru-guru pula adalah seramai 1,525 orang tetapi hanya sedikit sahaja merupakan guru terlatih. Pada tahun 1956, berdasarkan *Colony of North Borneo, The Education Ordinance, Cap. 164, 1956, Part IX, Perenggan 43*, untuk memperbaiki taraf pendidikan di Sabah ditubuhkan Lembaga Pelajaran yang dianggotai oleh Setiausaha Kerajaan Tempatan sebagai pengerusi, Pengarah Pelajaran sebagai ahli dan orang awam terdiri daripada pelbagai etnik serta kepercayaan agama. Tugas Lembaga Pelajaran tersebut adalah seperti berikut:



- i. Melapor dan menasihati Gabenor dalam segala perkara mengenai pelajaran, tentang kandungan peraturan yang hendak dikemukakan dan segala perkara yang dianggap penting dalam pelajaran koloni terutamanya dalam hubungannya dengan penubuhan sekolah-sekolah baharu dan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah bebas.
- ii. Melantik satu Jawatankuasa Bertindak (Standing Committee) dari semasa ke semasa sekiranya difikirkan perlu.
- iii. Membuat sebarang tugas-tugas lain yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran.

Sementara itu, tugas Lembaga Pelajaran Tempatan adalah seperti berikut:

- i. Menasihati Pengarah Pelajaran dan Lembaga Pelajaran mengenai segala perkara berhubung dengan memajukan pelajaran dan pentadbirannya, pengurusan sekolah-sekolah dan kebajikan kanak-kanak yang bersekolah di daerah masing-masing.
- ii. Lain-lain tugas yang harus dilakukan seperti yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran.

Walaupun dengan tertubuhnya lembaga pelajaran tersebut memperlihatkan perkembangan positif pendidikan di Sabah namun perkembangan tersebut masih lagi terbatas. Hal ini kerana kerajaan kolonial British enggan mempercepatkan perkembangan pelajaran terutamanya di peringkat menengah dengan alasan kekurangan guru ataupun tidak mahu merosakkan cara hidup penduduk Sabah yang tinggal di kampung. Kenyataan ini jelas melalui petikan ucapan Sir Roland Turnbull dalam Persidangan Keempat Ketua-ketua Anak Negeri pada 9 Oktober 1954 seperti berikut:

*“We must not let education take them too far away from their present way of life for if we do that they will be lost”*

Menurut Mohd. Nor Bin Long (1978), pada tahun 1957 ditubuhkan sekolah menengah pertama kerajaan di Jesselton. Hal ini merupakan satu perkembangan yang penting kerana kerajaan dilihat mula menyedari kepentingan kanak-kanak Sabah diberikan pendidikan menengah. Oleh itu, bagi membolehkan lebih ramai kanak-kanak memasuki sekolah menengah, pelajaran bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah perlu ditambahbaik dengan menyediakan guru-guru yang terlatih dalam bahasa Inggeris. Berikutan itu, Maktab Perguruan Kent telah mengadakan kursus bagi melatih guru-guru bahasa Inggeris dengan tujuan untuk mendapatkan tenaga pengajar dalam bahasa tersebut di sekolah-sekolah rendah kerajaan. Dalam tempoh yang sama, 17 orang guru bahasa Inggeris dibawa masuk dari luar negara.

Berdasarkan *The Annual Summary Report of the Education Dept. 1962* (1963), kempen menggalakkan kanak-kanak Sabah belajar berkesan hingga terdapat sekolah rendah Melayu yang menukar bahasa pengantarnya kepada bahasa Inggeris. Sekolah pertama yang berbuat demikian adalah sekolah Sekolah Rendah Kebangsaan Semporna pada tahun 1962. Kemuncak kejayaan kempen tersebut adalah apabila Jesselton menjadi tuan rumah Persidangan Pengajaran Bahasa Inggeris kedua dalam bulan September 1962 yang dihadiri oleh wakil-wakil dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Hong Kong, Filipina, Sarawak dan Brunei. Oleh itu, berdasarkan Haji Buyong Adil (1981), pada akhir tahun 1959 sebanyak 9 buah sekolah menengah Inggeris, 3 buah sekolah Cina dan 342 buah sekolah rendah didirikan di Sabah dengan jumlah murid seramai 41,726 dalam sekolah rendah serta 3,397 murid di sekolah menengah.

Seterusnya, menurut Mohd. Nor Bin Long (1978) jumlah murid meningkat pada tahun 1962 kerana terdapat seramai 5,515 murid-murid yang bersekolah menengah di Sabah dan daripada jumlah tersebut seramai 1,050 murid adalah daripada anak-anak tempatan. Mereka berpeluang mendapat pendidikan di peringkat sekolah menengah apabila *Bridge Class* dibuka di sekolah menengah Inggeris. Selain itu, Mohd. Nor Bin Long (1978) juga menyatakan bahawa pada akhir tahun 1962, sebagai tambahan kepada sekolah menengah kerajaan yang telah ditubuhkan di Jesselton, kerajaan kolonial British di Sabah telah membina sebanyak 7 buah sekolah menengah lagi di daerah seperti Keningau, Ranau, Kudat, Papar, Semporna dan Sipitang. Namun begitu, didapati jumlah anak-anak tempatan yang mengikuti pendidikan di peringkat menengah masih sangat kurang jika dibandingkan dengan kanak-kanak lain. Punca utama perkara tersebut dikaitkan dengan bilangan murid sekolah Melayu yang lulus Darjah 6 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3 seperti berikut:

Tahun	Sekolah Melayu		Sekolah Inggeris		Sekolah Cina	
	Bil. Mengambil	Lulus	Bil. Mengambil	Lulus	Bil. Mengambil	Lulus
1956	216	185	795	389	733	418
1957	240	227	865	538	767	504
1958	561	333	963	595	818	542
1959	814	574	1078	835	820	563
1960	840	626	1225	864	862	708
1961	913	697	1481	1149	1136	809
1962	1238	760	1893	1036	1432	871

**Jadual 3**

**Perbandingan Keputusan Peperiksaan Darjah 6 Antara Sekolah, Melayu, Cina dan Inggeris di Sabah, 1956-1962**

Sumber: *The Annual Summary Report of the Education Dept. 1962.* (1963). Jesselton: Government Printing Office, hlm. 5-7.

Berdasarkan Jadual 3, dapat disimpulkan bahawa kekurangan anak-anak tempatan yang melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah dipengaruhi oleh kurangnya bilangan mereka yang lulus dalam peperiksaan Darjah 6. Selain itu, menurut Mohd. Nor Bin Long (1978), tidak semua kanak-kanak yang lulus Darjah 6 dari sekolah Melayu akan berpeluang mendapat tempat dalam *Bridge Class*. Hal ini kerana hanya murid yang lulus terbaik sahaja akan dipilih. Keadaan inilah yang menyebabkan terdapat lulusan Darjah 6 dari sekolah Melayu yang tercicir kemudian mereka menjadi guru pelatih, memasuki maktab perguruan ataupun memasuki sekolah pertukangan.

Lazimnya, kanak-kanak yang tercicir daripada melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah ini terdiri dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan. Keadaan hidup yang serba kekurangan ditambah lagi dengan kedudukan rumah mereka yang terletak di kawasan luar bandar menyebabkan sukar bagi mereka untuk menghadiri sekolah di bandar. Berdasarkan *The Annual Summary Report of the Education Dept. 1962* (1963), keadaan ini sebenarnya turut disedari oleh pihak kerajaan kolonial British yang telah mengeluarkan bantuan kepada kanak-kanak bumiputera di luar bandar untuk menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah. Sebagai contohnya pada tahun 1962, kerajaan British telah memberikan sejumlah \$340,000 biasiswa kepada seramai 635 kanak-kanak bumiputera lelaki dan perempuan. Sementara itu menurut Mohd. Nor Bin Long (1978), sebagai langkah untuk

mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar terlatih di sekolah Inggeris, sekolah rendah dan sekolah menengah khususnya di Jesselton ditubuhkan sebuah Maktab iaitu Maktab Gaya dirasmikan oleh Sir William Goode pada 4 Julai 1963. Dengan itu, jelaslah walaupun terdapat usaha untuk membangunkan aspek pendidikan di Sabah tetapi sehingga tahun 1963, cabaran seperti dasar pihak kolonial British, jarak sekolah dan masalah kekurangan tenaga pengajar menjadi cabaran terhadap pengukuhan aspek pendidikan di Sabah.

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa sebelum tahun 1963, cabaran utama pendidikan di Sabah adalah masyarakatnya tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya kerana dasar pentadbiran pihak kolonial. Jika dibandingkan dengan negeri lain, masyarakat Sabah didapati masih ketinggalan dalam aspek pendidikan. Hal ini bermakna sikap dan pendirian pihak kolonial Inggeris telah memberikan cabaran besar terhadap usaha perkembangan pendidikan masyarakat bumiputra di Sabah. Selain itu, Walaupun sememangnya terdapat usaha membangunkan sekolah dan pemberian bantuan kepada sekolah-sekolah oleh pihak pemerintah tetapi hanya sebilangan kecil daripada kalangan bumiputera Sabah yang mendapat pendidikan formal. Keadaan ini menjelaskan bahawa bidang pendidikan di bawah pihak pemerintah pada ketika itu tidak menjadi satu keutamaan. Malahan pendidikan yang diberikan tidak memberikan banyak sumbangan yang dapat mengubah kehidupan masyarakat Sabah.

### Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd, yang memberikan Skim Geran Penerbitan untuk projek ini.

### Senarai Rujukan

- Abd. Hakim Mohad. (2003). 'Sabah dalam Konteks Pembinaan Bangsa Malaysia: Tinjauan Terhadap Peranan Yayasan Sabah dalam Aspek Pendidikan', dalam Mohd Sarim Mustajab dan G. Anantha Raman (Editor). (2003). *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*, Kota Kinabalu: Penerbit Univesiti Malaysia Sabah.
- Azmah Abdul Manaf. (2005). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Barbara Watson Andaya & L.Y. Andaya. (1983). *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: Mcmillan Publisher Sdn. Bhd.
- Colony of North Borneo, *The Education Ordinance*, Cap. 164, 1956, Part IX, Perenggan 43.
- D.S. Ranjit Singh. (2003). *The Making OF Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Second Edition, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Haji Buyong Adil. (1981). *Sejarah Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- K.G. Tregonning. (1965). *A History of Modern Sabah: North Borneo 1881-1963*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- K.M. George. (1981). 'Historical Development of Education', dalam Anwar Sullivan and Cecilia Leong (eds.), *Commemorative History of Sabah 1881-1981*, Sabah: Sabah State Government.
- Mat Zin Mat Kib. (2016). 'Kumpulan Etnik Dusun dan Kadazan di Sabah Daripada Perspektif Banci Penduduk: Satu Tinjauan Awal', dalam Mat Zin Mat Kib, Christina Andin dan Ismail Ali (Penyunting). (2016). *Pluralisme: Etnisiti Sabah dan Sarawak*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Nor Bin Long. (1978). *Perkembangan Pelajaran di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mook Soon Sang. (2002). *Pendidikan di Malaysia*, Edisi 8, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- North Borneo Annual Report 1952*, Information Office, Jesselton 1952.
- Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia, 1791-1965. (2013). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Saidatul Normis Hj. Mahali. (2003). 'Bahasa Melayu dan Pendidikan: Satu Paparan Awal', dalam Mohd Sarim Mustajab dan G. Anantha Raman (Editor). (2003). *Sabah Dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*, Kota Kinabalu: Penerbit Univesiti Malaysia Sabah.
- Sir Ronald Turnbull. (1960). 'North Borneo 1954-1959', (kumpulan ucapan), Jesselton: Government Printing Office.
- Sufean Hussin. (2002). *Dasar Pembangunan Pendidikan di Malaysia Teori dan Analisis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Annual Summary Report of the Education Dept. 1962*. (1963). Jesselton: Government Printing Office.